

VARSITI mengalu-alukan pandangan ahli akademik mengenai pelbagai isu menerusi Minda Intelek. Hantarkan pandangan ke bhvarsiti@bharian.com.my



Mohd Rizal
Azman Rifin

MINDA INTELEK

BERITA terkini yang menjadi bualan hangat warga institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan ialah berkenaan kuasa autonomi. Bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperolehnya, kemudian disusuli pula empat universiti lagi yang turut sama dianugerahkan kuasa autonomi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Apakah yang dimaksudkan dengan kuasa autonomi universiti dan sejauh mana kepentingan kuasa berkenaan? Apa hubungannya dengan usaha melonjakkan kualiti dan reputasi sesebuah universiti? Mungkin inilah persoalan yang berlegar-legar di benar fikiran. Bagi merungkai permasalahan itu, kita perlu menelusuri satu persatu agar kita sama-sama memahami duduk perkara yang setepatnya.

Kuasa autonomi ialah penurunan kuasa membuat keputusan daripada agensi pusat dan Kementerian kepada pihak universiti. Ini bermakna kuasa autonomi itu akan menghapus kerana birokrasi yang bagi sesetengah pengurusan IPT melihatnya sebagai hambatan kepada kerancakan dan keberkesanannya sesuatu program yang diagendakan.

Berdasarkan kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Moha-

med Khaled Nordin, pemberian kuasa autonomi itu merangkumi empat bidang, termasuklah urus tadbir, kewangan, sumber manusia dan pengurusan akademik serta urusan pengambilan pelajar yang bermula September nanti.

Oleh itu, kita melihat bahawa kuasa autonomi sememang diperlukan oleh sesebuah universiti dalam mempercepat sesuatu pengurusan dan mewujudkan kedinamikan landskap persekitaran yang berpaksikan kecemerlangan.

Sesungguhnya kuasa autonomi itu menjadi prasyarat utama ke arah membentuk persekitaran kampus berdaya dinamik, pragmatik dan positif yang akan terhasil impak daripada pengurusan bercirikan keutuhan daya saing yang utuh.

Dalamerti kata lain pihak pengurusan IPT akan diberi ruang dan peluang lebih luas merencana dan mengaplikasikan rangka pelan tindakan yang berkesan. Begitu pun, pihak pengurusan IPT yang diberi kuasa autonomi berkenaan sewajarnya berupaya menzahirkan prestasi terbaik dan berusaha mengembangkan potensi kecemerlangan yang hebat.

Apa yang penting di sini ialah pengurusan lima universiti itu mesti bertindak dalam vacum yang dibenarkan dan di sinilah letak pentingnya aspek integriti dan

kebertanggungjawaban yang jitu. Hal ini sebenarnya pernah dilakukan sendiri oleh Mohamed Khaled yang dipetik berkata, "Sistem yang berteraskan autonomi ini perlu dipatuhi oleh universiti berkenaan kerana membabitkan integriti dan akauntabiliti yang menjadi panduan dalam segala tindakan pengurusan universiti berkenaan."

Sebenarnya, peringatan awal beliau itu ada manfaatnya kerana kita tidak mahu niat murni Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam pemberian kuasa autonomi diseleweng atau menyalahgunakannya sehingga merencatkan pula gerakan memacu keperkasaan kualiti universiti. Oleh itu, lima universiti yang telah memperoleh kuasa autonomi itu seharusnya membuktikan bahawa dengan adanya penurunan kuasa akan menjadi pemangkin kepada pelonjakan kualiti dalam segenap aspek.

Kita yakin pengurusan lima universiti itu pastinya tidak akan mengecewakan KPT dan masyarakat secara umumnya, sebaliknya menjadi tonik mujarab untuk membuat 'lompatan saujana' dalam pelbagai bidang, insya-Allah.

Kejayaan lima universiti itu akan menjadi kayu ukur kepada KPT dalam memperluaskan 'sayap' autonomi kepada IPT awam (IPTA) lain. Namun, tidak keterlaluan jika

dikatakan lima universiti itu seolah-olah IPT perintis kepada penggunaan autonomi di seluruh IPTA di negara kita dalam visi menjadikan universiti di negara kita bertaraf dunia sentiasa terlekat kemas dalam 'Rangka Agenda' KPT.

Ketika ini, sudah banyak pendekatan yang diambil dan dilaksanakan semata-mata menjadikan IPTA menduduki 'Podium Ranking' terbaik. Kini, melalui strategi terbaru iaitu pemberian autonomi diyakini akan mendekatkan jarak yang semakin melebar antara IPTA tempatan dengan negara maju yang lain.

Kita tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang: "Konsep autonomi itu sendiri sebenarnya perlu dilihat sebagai nadi kepada proses pembangunan IPTA terutama dalam aspek hal ehwal pembangunan akademik, perawatan pengajaran dan urus tadbir kewangan."

Beliau turut menyatakan, bahawa sebaik menerima autonomi, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berkuasa penuh membuat sebarang keputusan tanpa perlu merujuk kepada agensi pusat atau pihak KPT dan ini pastinya membolehkan universiti itu bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan."

Kita sudah membaca kenyataan Naib Canselor termuda di negara kita ini dan kita sudah pun memahami apa manfaatnya kuasa autonomi itu kepada sesebuah IPTA. Cuma kini masyarakat akan memantau bagaimana melalui kuasa autonomi itu mampu merancakkan misi men-globalkan IPTA negara.

Seandainya autonomi benar-benar mengupayakan IPTA memacu kecemerlangan hebat dalam segenap segi, maka kita berharap pihak KPT tidak akan berlengah masa untuk mengembangkan kuasa autonomi itu ke IPTA yang lain. Pada masa sama, IPTA lain janganlah pula menunggu lampu hijau kuasa autonomi untuk berusaha gigih ke arah keunggulan. Semua IPTA mampu menobatkan prestasi terbaik. Apa yang mustahaknya komitmen semua pihak khususnya pihak pengurusan dalam mewarnakan keutuhan kualiti IPT masing-masing.

Kepada lima universiti yang diberikan autonomi itu kita berdoa semoga kecemerlangan akan berjaya diungguli, sekali gus menjadi pemangkin asas kepada peningkatan paras kualiti.

■ Penulis ialah Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Muadzam Shah, Pahang.

Kuasa autonomi mampu melonjakkan reputasi IPT